

Seni Persembahan Dikir Barat Warisan Seni Kebanggaan Negeri Kelantan

Nurul Jazlina Hairul Azhar

Nor Aziera Wanie Binti Aziz

Mazlina Binti Pati Khan

Nik Azliza Binti Nik Ariffin

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Dikir Barat merupakan satu seni persembahan tradisional yang terkenal di negeri Kelantan. Seni persembahan ini yang disampaikan secara berkumpulan yang mana kumpulan Dikir Barat biasanya diketuai oleh seorang Tukang karut dan Tok Juara, diikuti dengan sekumpulan awak-awak yang berfungsi untuk mengiringi nyanyian yang disampaikan oleh Tukang Karut mahupun Tok Juara dan sekumpulan pemuzik yang bermain beberapa alatan muzik tradisional seperti rebana ibu, rebana anak, gong, canang dan lain-lain. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji asal-usul dan elemen-elemen penting yang terdapat dalam Dikir Barat dan mengenalpasti cabaran-cabaran dalam meneruskan seni budaya Dikir Barat. Kajian ini dijalankan bersama seorang tokoh yang sangat berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang warisan seni Dikir Barat melalui temubual sejarah lisan dan mendapati Seni Persembahan Dikir Barat adalah satu persembahan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan.

Kata kunci: Asal usul, elemen, cabaran, Dikir Barat, seni tradisional

ABSTRACT

Dikir Barat is a well-known traditional performing art in the state of Kelantan. This performance art is performed in groups where the Dikir Barat group is usually led by a Tukang karut and Tok Juara, followed by a group of crews who serve to accompany the singing delivered by Tukang Karut and Tok Juara and a group of musicians who play some traditional musical instruments such as mother tambourine, tambourine child, gong, canang and others. This study aims to examine the origins and important elements found in Dikir Barat and identify the challenges in continuing the cultural art of Dikir Barat. This study was conducted with a character who is very experienced and knowledgeable in the field of artistic heritage Chants West through oral history interviews and found the Performing Arts West is a popular traditional performance by the Malay community, especially in Kelantan.

Keywords: *Origins, elements, challenges, Dikir Barat, traditional art*

PENGENALAN

Menurut Seri Shinta Mohd Noor (2002), persembahan Dikir Barat sangat terkenal di negeri Kelantan dan melambangkan jiwa sesebuah masyarakat melayu. Persembahan Dikir Barat adalah kawasan yang tepat dalam mengajar komuniti agar mereka tahu bagaimana untuk menghargai warisan muzik tradisional dari kebiasaannya persembahan ini dipersembahkan di acara-acara atau majlis-majlis rasmi.

Di Malaysia, Seni Persembahan Dikir Barat adalah satu persembahan tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu terutamanya di negeri Kelantan. Seni ini merupakan satu bentuk persembahan muzik yang popular sebagai hiburan dikalangan masyarakat tempatan pada zaman dahulu yang mana persembahan Dikir Barat ini bertemakan kepada unsur-unsur lucu, persekitaran semasa dan kehidupan pada masa itu. Namun format persembahan Dikir Barat kian berubah mengikut perkembangan semasa, dengan bertemakan dan berkonsepkan persembahan yang berkisar kepada isu-isu politik, ekonomi, pembangunan, pendidikan masalah sosial dalam kehidupan masyarakat sejagat. Dalam persembahan Dikir Barat terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh seorang Tukang karut dan Tok Juara. Mereka akan mengarut sambil berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang.

Dikir Barat merupakan dua (2) kombinasi iaitu daripada perkataan dikir dan satu lagi perkataan ialah pantun. Terdapat juga perkataan lain yang turut digunakan iaitu perkataan bagi dikir dan lagi satu perkataan ialah karut. Perkataan bagi "karut" diambil daripada perkataan mengarut yang terdapat pada pantun selain itu, ia juga terdapat pada syair juga (Dias, 2013). Persembahan Dikir Barat ialah satu warisan tradisional di mana orang melayu amat menggemininya terutamanya di Patani dan Kelantan yang berada di Selatan Thailand. Rakyat menganggap persembahan Dikir Barat merupakan muzik rakyat. Dalam persembahan tersebut mereka berbalas pantun dan kemudiannya akan disambung oleh awok-awok (chorus). Tugas awok-awok (chorus) adalah merupakan nada suara yang tinggi. Persembahan Dikir Barat adalah persembahan yang mengandungi alatan muzik dan terdapat juga puisi yang dinyanyikan (Tan & Matusky, 1998).

Bahasa yang digunakan untuk membuat persembahan seni warisan

Dikir Barat adalah loghat Kelantan. Antara peralatan muzik yang digunakan ialah gong (Arba'ie Sujud (1999) kerana menjadi keutamaan ketika dalam persesembahan Dikir Barat. Fungsi gong ialah untuk mengawal rentak muzik dalam persesembahan Dikir Barat. Gong juga digunakan bersama dengan gendang anak dan gendang ibu dan juga merupakan alat penting dalam upacara dan persesembahan.

Nilai-nilai yang ditemui di dalam persesembahan warisan Dikir Barat dapat mengubah sikap orang terhadap mencapai peradaban yang bermakna dan mempunyai aura mereka sendiri, yang dapat mengubah emosi keterlaluan, kesedihan, kebahagiaan, dan sebagainya. Perkara-perkara seperti itu memaparkan iaitu muzik dan nyanyian berkait rapat dalam masyarakat. Persesembahan Dikir Barat adalah cabang suara seni, yang bertahan dan berakar umbi di seluruh masyarakat Malaysia (Dias, 2013).

PERMASALAHAN KAJIAN

Kekurangan sumber lisan mengenai seni warisan. Antara usaha yang dijalankan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) ialah menggerakkan usaha mendokumentasi seni warisan dan budaya yang kian pupus akibat kekurangan atau tiadanya pewaris meneruskan legasi warisan itu. JKKN negeri juga membuat satu projek penyelidikan dan dokumentasi berdasarkan lima kategori iaitu adat resam, makanan tradisional, bahasa dan seni persembahan (Bernama Online, 2019). Kebanyakan warisan budaya berkenaan tidak lagi diwarisi anak-anak atau komuniti mahupun satu-satunya pengamal dan penggiatnya semakin lanjut usia ada di kalangan mereka yang berumur 80-an menyebabkan ia semakin hilang dan semakin dilupakan. Budaya dan warisan bangsa adalah sesuatu yang signifikan dan khazanah berharga merangkumi aspek amalan, tradisi dan peninggalan zaman berzaman yang mempunyai nilai tinggi peninggalan nenek moyang. Usaha merekodkan budaya bangsa ini termasuk dokumen dan peninggalan dokumen bertulis supaya ia dapat disimpan dan dipelihara dengan kaedah betul kerana ia sesuatu yang amat berharga.

Menurut Kamaruzaman (2007), peranan dan kegiatan persatuan-persatuan sejarah negeri di Malaysia akan dapat diperkembangkan lagi sekiranya persatuan-persatuan tersebut menjalankan projek-projek sejarah lisan. Persatuan-persatuan Sejarah yang ditubuhkan bukan sahaja untuk menggalakkan pengajian dan menambahkan minat orang ramai terhadap tempatan tetapi juga mempunyai tanggungjawab untuk memelihara kesan

kesan sejarah negeri-negeri masing. Di dalam hal ini mereka terlibat dalam pengumpulan, pemeliharaan dan penyediaan bahan-bahan tersebut untuk penyelidik. Persatuan-persatuan sejarah patut memelihara alat-alat dan gambar-gambar mengenai kehidupan masyarakat di masa yang lalu dan muzium negeri yang telah lama tertubuh itu boleh memperkenalkan bahan-bahan tersebut kepada orang ramai. Begitu juga bagi tapak-tapak bersejarah yang patut dipelihara dan dibina semula dan dikenalkan untuk dilawati oleh orang ramai. Persatuan Sejarah akan dapat menggiatkan lagi penyelidikan yang telah dijalankan. Sejarah lisan pula boleh menambahkan rancangan-rancangan persatuan sejarah khasnya di dalam memenuhi jurang-jurang yang terdapat dalam sejarah tempatan. Jadi melalui cara ini maklumat yang tidak selalunya dimasukkan ke dalam rekod-rekod tertulis akan dapat diperolehi.

Penggunaan Sejarah Lisan sebagai satu alat pengajaran belum digunakan dengan sepenuhnya. Sejarah Lisan berdasarkan kepada kenangan-kenangan seseorang yang terlibat dalam peristiwa-peristiwa yang penting dan maklumat-maklumat ini sungguh bernilai di dalam memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang luas. Sejarah Lisan adalah unit kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah. Pita rakaman dan transkrip sejarah lisan boleh menghidupkan cara mengajar di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi lain. Muzium misalnya memberikan gambaran tambahan kepada penuntut-penuntut melalui pameran, bahan-bahan yang dipetik dari buku-buku dan filem-filem. Cara ini tidak dinafikan sebagai satu cara pengajaran yang berguna di dalam kelas. Walau bagaimanapun, nilainya terhad kepada keadaan pameran yang statik. Di sebaliknya pita-pita rakaman wawancara dengan tokoh-tokoh tertentu yang pernah memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat boleh memberi suatu gambaran yang berkesan untuk memahami masa yang lalu itu. Rakaman-rakaman ini boleh menggambarkan perkara-perkara bersejarah yang telah berlaku di samping ianya dapat menggambarkan aspek-aspek masyarakat yang sukar untuk dipamerkan (Kamaruzaman ,2007).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini ialah :

- 1) Untuk mengkaji asal-usul Dikir Barat di Malaysia
- 2) Untuk menguraikan elemen-elemen penting yang terdapat dalam

Dikir Barat

- 3) Untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dalam Dikir Barat.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan bagi kajian ini ialah:

- 1) Bagaimana asal usul Seni Persembahan Dikir Barat di Malaysia?
- 2) Apakah elemen-elemen penting yang terdapat dalam Dikir Barat?
- 3) Apakah cabaran-cabaran dalam Dikir Barat?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

1. Masyarakat dan komuniti

Contohnya, dokumentasi ini boleh dijadikan sebagai rujukan penyelidikan dan sumber rujukan kepada penyelidik, pelajar-pelajar di sekolah seni, atau golongan masyarakat yg mempunyai minat kepada seni persembahan dikir barat.

2. Bidang Warisan

Contohnya hasil daripada kajian ini, dapat menambahkan maklumat dokumentasi kepada badan pengurusan bidang seni kebudayaan di negara kita, contohnya JKKN, JWN, muzium, arkib, galeri, perpustakaan dan badan bukan kerajaan.

3. Negara

Contohnya hasil kajian ini dapat mengangkat dan menyokong kerajaan dalam melestarikan lagi seni persembahan warisan keperingkat yg lebih tinggi atau antarabangsa.

TINJAUAN LITERATUR

Asal-usul Dikir Barat sebenarnya terlalu banyak versi. Berbagai versi dan ada sedikit kelemahan penggiat seni tradisional iaitu dari segi penulisan kerana tiada bukti yang bertulis yang sesiapa tidak mengesahkan secara bukti yang jelas. Secara akademiknya, banyak kisah yang bermula dengan mereka

yang membela lembu, di kejar harimau dan sebagainya. Sebagai contoh yang paling dekat ialah Dikir Barat bermula dari Selatan Thailand di Kota Baru Man, Ayala. Pada tahun 1898 Sultan Abdul Khadir Raja Pattani mengarahkan semua daerah daerah di Selatan Thailand menghantar satu seni, kesenian kampung masing-masing untuk mengadakan majlis khatan. Setiap kampung, setiap daerah menghantar seni. Jadi Kota Bharu, Man, Ayala menghantar Dikir Hulu. Dikir Hulu ini merupakan satu asas kepada Dikir Barat hingga sekarang. Jadi bermula di situ kemudian berkembang ke Kelantan dibawa oleh migran, orang Selatan Thailand datang menoreh getah ke Kelantan, orang Kelantan pergi ke Thailand dan terdapat pertukaran budaya di situ dan terus berkembang di Kelantan sebab zaman dulu tiada sempadan geografi sebagaimana sekarang di Thailand, manakala Malaysia pula tiada, ia hanya terdapat pada satu negeri sahaja Pattani dengan Thailand.

Tukang Karut merupakan anggota kumpulan yang paling penting dalam sesebuah pasukan Dikir Barat. Tugas Tukang Karut yang paling penting sekali ialah berpantun dan bersyair. Pantun-pantun dan syair itu didendangkan dengan cara spontan mengikut seleranya. Maka idea-idea, isi-isi puisi itu, bahasa dan persoalan yang dikemukakan tanpa berfikir dua kali. (Bintang Popular, 2008).

Tok Juara merupakan orang kedua penting dalam satu pasukan Dikir Barat. Tugasnya ialah berdikir sebelum Tukang karut mengarut (Harian My Metro, 2020). Hanya kadangkala, juara juga terpaksa mengarut iaitu di waktu Tukang Karut belum tiba (biasanya di awal permainan), tapi masanya tidaklah lama, Juara berdikir sambil duduk di sepanjang permainan, tetapi Tukang Karut mendendangkan karutnya sambil berdiri.

Awak-awak ialah kumpulan orang berdikir dalam satu-satu permainan Dikir Barat. Kebiasaan awak-awak ini terdiri daripada muda mudi belasan tahun (Hasyim awang, 1987). Pada praktiknya orang dewasalah yang lebih ramai menjadi awak-awak.

Lirik menjadi keutamaan ketika membuat acara pembukaan atau sesuatu program. Lirik berperanan untuk melontarkan pandangan ketika menyampaikan sebuah persembahan yang ada pada lirik sekaligus menceritakan tentang kehidupan masyarakat sehari-hari (Arbai'e Sujud, 1999). Selain itu, menurut Shahnom Ahmad (1991) lirik bertujuan untuk

menyampaikan

fungsi wacana. Ini kerana, fungsi sesebuah karya Melayu tradisional ataupun linguistik sebagai penganalisan diri sendiri, masyarakat dan pembaca. Berdasarkan kajian-kajian lepas tentang lirik lagu dapat menarik perhatian pembaca serta dapat memberi manfaat kepada pendengar dan pencinta lagu (Normaliza Abd Rahim, 2014; Normaliza Abd Rahim dan Siti Noor Riha Sulong 2015; Nik Ismail Harun & Normaliza Abd Rahim 2016; Normaliza Abd Rahim & Hartini Mohd Ali, 2017; Normaliza Abd Rahim & Siti Noor Riha Sulong, 2017).

Menurut Amir Husairi Sharif (2006), kebanyakkan karya dalam penulisan lirik ditulis oleh pencipta mempunyai terdapat mesej disampaikan di dalam lirik tersebut. Dalam penyampaian mesej, terdapat maksud dalam penggunaan sebuah penulisan lagu. Penulisan lagu ini bertanggungjawab membuat sesebuah lagu dengan teliti. Mesej yang diberikan adalah penting untuk masyarakat yang mempunyai ‘hati’ (Amir Husairi Sharif, 2006). Karya seni, di dalam penghasilan sesebuah lirik haruslah mempunyai ciri yang khusus. Antara contohnya ialah bahasa dan pemikiran. Cara berfikir haruslah merangkumi elemen penting dan aspek yang digunakan untuk masyarakat kelak. Dikir Barat tidak semestinya dijadikan sebagai hiburan malah di dalamnya terdapat mesej dan nilai moral. Bahasa mengandungi cara dan pemilihan diksi yang sesuai kepada masyarakat (Lim Swee Tin, 2006).

Dalam persembahan Dikir Barat gendang berperanan mencipta irama lagu yang diperdendangkan. Pemain gendang perlulah memiliki kemahiran yang tinggi dalam aspek meningkah dan memcipta bunga-bunga irama yang unik dan menarik. Kebolehan meneroka corak irama yang rancak dan bertenaga membuatkan persembahan Dikir Barat menjadi menarik dan hebat (Blog Dikir Barat, 2008).

Dalam menentukan ciri yang seragam yang ada pada penulisan lagu terdahulu. Ia melihat kepada keseimbangan dan kejelasan. Di dalam sebuah penulisan lagu perlu ada makna iaitu tersurat dan tersirat supaya ia sesuai digunakan untuk golongan muda dan kanak-kanak. Menurut (Arbaie Sujud,1999) seni kata atau lirik terdapat elemen semulajadi yang digunakan ketika membuat persembahan. Selain gaya bahasa, cara memberikan pandangan dan idea untuk sesebuah penulisan lagu perlu difahami dengan

jelas (Norasmat Mustapha, 1998).

Antara cabaran di dalam persembahan seni warisan Dikir Barat ialah Persaingan sengit dengan kesenian lain. Keterlibatan Dikir Barat di peringkat kebangsaan juga tidak terlepas dari menerima persaingan yang sengit dari kesenian yang lain. Di Negara kita khususnya, pelbagai rancangan- rancangan realiti televisyen yang diadakan oleh stesen stesen televisyen tempatan yang sememangnya berfokus kepada pertandingan mencari penyanyi- penyanyi terbaik. Seperti yang kita sedia maklum, program realiti seperti ini sentiasa mendapat rating yang tinggi dari kalangan penonton. Hadiah yang ditawarkan pula sangat- sangat lumayan dan biasanya penyertaan secara individu. Faktor ini menjadikan ramai lebih tertarik dengan kesenian ini kerana di samping dari bayaran yang lumayan juga, mereka akan lebih popular berbanding penggiat tradisional seni Malaysia. Tambahan pula, kesenian kontemporari yang menjadi kegilaan masyarakat kita hari ini lebih universal dan lebih mudah diterima oleh lapisan masyarakat.

Seterusnya ialah Penggiat Dikir Barat hanya popular dalam kalangan penggiatnya sahaja Mungkin ada yang terkenal tetapi masih lagi tidak setara dengan artis atau penyanyi tempatan. Artis Dikir Barat yang terkenal ini biasanya mempunyai album tersendiri dan biasanya lagu yang dinyanyi menjadi ikutan dan siulan orang ramai. Hal ini menyebabkan masyarakat kurang mengenali artis yang terlibat dalam bidang warisan seni Dikir Barat di negara kita.

METODOLOGI

Kaedah penyelidikan adalah bahagian penting dalam penyelidikan. Ini untuk memastikan bahawa proses pengambilan maklumat data dibuat dalam urutan kerangka masa yang sesuai. Kajian ini menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat yang terperinci dan relevan. Temubual merupakan komunikasi dua hala antara penemubual dan yang ditemubual. Dalam kajian ini temubual dijalankan secara formal dengan teknik di mana soalan oleh penemubual selaras dengan objektif kajian. Bagi kajian ini temubual, penyelidik dan tokoh dijalankan melalui platform atas talian iaitu platform *Zoom*, memandangkan pandemik Covid-19 sedang melanda di negara kita dan perlu mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)*.

Kaedah analisis dokumen ialah bahan – bahan seperti sumber internet,

journal, blog, surat khabar dan sebagainya. Setelah proses temu bual penyelidik digalakkan untuk membuat transkripsi untuk memudahkan generasi akan datang untuk membuat sumber rujukan terhadap kajian ini. Proses analisis data dimulakan dengan mengkaji asal usul Dikir Barat di Malaysia, mengenal pasti elemen penting dalam warisan seni Dikir Barat dan cabaran di dalam warisan Dikir Barat.

LATAR BELAKANG TOKOH



Gambar 1: Mohd Sulhie Bin Yusof

Mohd Sulhie Bin Yusof ialah penggiat seni warisan Dikir Barat. Hasil kajian ini dimasukkan ke dalam dialog penyelidikan penyelidik, sehingga memudahkan pembaca memahami isi kandungan wawancara tersebut. Ini kerana watak menggunakan dialek Kelantan sukar difahami. Sebelum menyalin rakaman wawancara itu, penyelidik telah mendengar rakaman dengan teliti dan sangat penting untuk menukar rakaman wawancara tersebut ke dalam bentuk bertulis. Beliau berumur 44 tahun dan memulakan kerjaya sebagai penggiat seni Dikir Barat bermula sejak berumur sepuluh tahun lagi. Beliau telah berkhidmat selama 34 tahun dalam bidang Dikir Barat. Nama panggilan beliau dikenali sebagai E ataupun IE atau nama panel saya Arjunasukma.

Hobi masa lapang beliau ialah seorang yang begitu dekat dengan dunia seni dan beliau sangat meminati dengan apa-apa yang berkaitan dengan seni dan juga lebih kepada melancong melihat tempat-tempat yang menarik. Beliau juga sangat meminati dengan dunia permotoran.

Beliau dilahirkan di Kampung Padang Lalang, Tanah Merah, Kelantan.

Beliau dilahirkan pada 26 Februari 1977. Alamat terkini beliau ialah Nombor 121 Jalan Sultan Abdul Samad, 45 Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang, Selangor. Beliau anak sulung daripada empat orang adik-beradik. Adik-beradik beliau terdiri daripada tiga orang perempuan dan seorang lelaki.

Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 2000. Nama isteri beliau ialah Nor Marhaizan Binti Ismail. Isteri beliau dilahirkan di Kampung Kelar, Pasir Mas, Kelantan. Pekerjaan isteri beliau ialah Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang.

Beliau mempunyai seramai tiga orang anak. Anak sulung beliau berumur 19 tahun, anak kedua berumur 15 tahun dan anak bongsu beliau berumur 6 tahun. Sekolah Rendah beliau terletak di Sekolah Kebangsaan Sri Kelewek, Tanah Merah, Kelantan. Beliau menamatkan pengajian sekolah pada tahun 1997 di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah, Kelantan. Sekolah terakhir beliau ialah Sekolah Menengah Saya Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah, Kelantan.

Beliau mempelajari tentang seni secara tidak formal di selatan Thailand. Pekerjaan awal beliau ialah sebagai runner di Singapura. Selain itu, beliau juga mendapat kerja sebagai pembantu awam di Jabatan Kerja Raya, Tanah Merah, Kelantan dan kemudian mendapat kerja sebagai pembantu am di Jabatan Kerja Raya, Tanah Merah, Kelantan.

Seterusnya, beliau bekerja sebagai kerani di Jabatan Kastam pada tahun 2000 dan pada tahun 2010 beliau meletakkan jawatan dan sebagaimana sekarang beliau menguruskan Akademi Dikir Barat Arjunasukma. Beliau pernah menjadi jurulatih di sekolah pada tahun 2020 semasa pertandingan Anti Dadah Kebangsaan Dikir Barat jadi bermula dan bermula dari situ beliau mengajar di sekolah-sekolah di Kelantan sebelum ini. Kemudian beliau berpindah ke Lembah Klang tahun 2000 dan pada tahun 2002 beliau menjelajahi ke seluruh Malaysia untuk menjadi jurulatih sekolah-sekolah di Selangor, Kedah, Johor, Perak, Melaka, Sabah dan Sarawak. Ini negeri-negeri yang beliau pernah terlibat hingga ke peringkat akhir pertandingan Dikir Dadah Kebangsaan Anti dadah.



Gambar 2: Transformasi Dikir Barat Arjunasukma.



Gambar 3: Lepas jawatan demi cintakan Dikir Barat.



Gambar 4: Memperluaskan kesenian tempatan.



Gambar 5: Naskhah Dikir Barat, seni hiburan rakyat.



Gambar 6: Penghargaan kepada penggiat seni Dikir Barat.

HASIL KAJIAN

Asal-usul Dikir Barat di Malaysia

Asal-usul Dikir Barat sebenarnya terlalu banyak versi. Berbagai versi dan ada sedikit kelemahan penggiat seni tradisional iaitu dari segi penulisan kerana tiada bukti yang bertulis yang sesiapa tidak mengesahkan secara bukti yang jelas. Secara akademiknya, banyak kisah yang bermula dengan mereka yang membela lembu, di kejar harimau dan sebagainya. Sebagai contoh yang paling dekat ialah Dikir Barat bermula dari Selatan Thailand di Kota Baru Man, Ayala. Pada tahun 1898 Sultan Abdul Khadir Raja Pattani mengarahkan semua daerah daerah di Selatan Thailand menghantar satu seni, kesenian kampung masing-masing untuk mengadakan majlis khatan. Setiap kampung, setiap daerah menghantar seni. Jadi Kota Bharu, Man, Ayala menghantar Dikir Hulu. Dikir Hulu ini merupakan satu asas kepada Dikir Barat hingga sekarang. Jadi bermula di situ kemudian berkembang ke Kelantan dibawa oleh migran, orang

Selatan Thailand datang menoreh getah ke Kelantan, orang Kelantan pergi ke Thailand dan terdapat pertukaran budaya di situ dan terus berkembang di Kelantan sebab zaman dulu tiada sempadan geografi sebagaimana sekarang di Thailand, manakala Malaysia pula tiada, ia hanya terdapat pada satu negeri sahaja Pattani dengan Thailand.

Elemen-elemen penting yang terdapat dalam Dikir Barat

Persembahan Dikir Barat adalah persembahan daripada warisan orang terdahulu terutama di negeri Kelantan. Ini menyebabkan penyelidik tertarik untuk mengkaji asal usul Dikir Barat, mengenalpasti elemen-elemen penting yang terdapat dalam Dikir Barat dan menghuraikan cabaran-cabaran dalam Persembahan Dikir Barat.

1. Keanggotaan kumpulan Dikir Barat (Tok Juara, Tukang Karut dan Awok- awok (chorus)).

Persembahan selalunya mempunyai seorang Juara, Tukang Karut dan terdapat beberapa orang awak- awak. Bahasa untuk persembahan Dikir Barat adalah bahasa Kelantan.

2. Gong

Gong ialah alat muzik yang menjadi keutamaan ketika dalam persembahan Dikir Barat. Fungsi gong ialah untuk mengawal rentak muzik dalam persembahan Dikir Barat dan digunakan bersama dengan gendang anak dan gendang ibu. Gong merupakan alat penting dalam upacara dan persembahan.



Gambar 7: Gong sebagai alatan muzik utama dalam Dikir Barat

3. Pemilihan lagu di dalam seni warisan Dikir Barat

Menurut responden kajian, lagu Dikir Barat mempunyai nilai- nilai seni

bahasa yang tinggi, ini adalah kerana penggunaan pantun atau ayat-ayat dalam perkataan yang digunakan dalam diksi nyanyian Dikir Barat samaada daripada Tukang Karut mahupun Tok Juara. Ini adalah kerana untuk menterjemah kepada suara hati rakyat marhaien menceritakan tentang kesusahan kehidupan dalam bentuk lirik lagu. Tukang Karut dan Tok Juara berfungsi untuk menyampaikan dan bercerita dalam bentuk lagu dengan lebih jujur dan masyarakat lebih mendengar dan menerima secara positif.

4. Pembangunan Lirik Lagu Dikir Barat

Keunikian utama yang terdapat pada sesebuah persembahan Dikir Barat adalah penggunaan perumpaan dalam lirik mereka bagi menterjemahkan maksud penyampaian sesebuah lagu. Antara elemen perumpaan yang sering digunakan adalah terdiri daripada beberapa jenis Haiwan. Menurut responen kajian antara haiwan yang sering digunakan dalam pembangunan lirik lagu Dikir Barat adalah seperti berikut:

4.1 Cicak

Contoh haiwan yang digunakan dalam lirik lagu Dikir Barat ialah cicak, ini adalah kerana Cicak ini sering diperkatakan kerana kebolehannya memasuki semua bangunan, memanjat dinding yang tegak dan licin seperti cermin, dan amalan bertelur merata-rata. Hal ini dijadikan perumpamaan kepada sifat manusia yang licik dan meninggalkan kesan kekotoran di merata tempat. Cicak yang berada di pelbagai bangunan seperti rumah, sekolah dan masjid dijadikan sindiran kepada kelicikan manusia memasuki pelbagai lapangan.

4.2 Itik

Haiwan seterusnya adalah Itik, yang mana merujuk kepada perilaku Itik yang tidak suka mengeram telur. Itik meninggalkan telur merata-rata dan hal ini disamakan dengan sifat manusia yang mengabaikan anak-anak mereka. Paling mengerikan ialah perbuatan membuang bayi akibat dari gejala pergaulan bebas dan perbuatan sumbang. Melalui lirik ini pendikir turut mengkritik remaja yang tidak lagi mementingkan kesopanan lantaran terpengaruh dengan unsur budaya luar yang sedang menular terutama di bandar-bandar. Pergaulan bebas telah memberi kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat. Antara kesan yang dapat dilihat ialah menularnya penyakit AIDS.

4.3 Lintah

Lintah juga sering digunakan sebagai perumpaan didalam pembangunan lirik Dikir Barat, ini adalah kerana haiwan ini menghisap darah manusia, diumpamakan seperti golongan yang mencari keuntungan dengan menyusahkan masyarakat. Lirik ini menyatakan bahawa harta dan kedudukan sering dipandang dan menjadi ukuran utama dalam kalangan masyarakat. Manakala nilai budi pula sering dilupakan.

Cabaran-cabaran dalam Dikir Barat

1. Perspektif masyarakat mengenai Dikir Barat

Antara cabarannya ialah kekangan dari sudut pandangan orang ramai terhadap Dikir Barat. Sebagai contoh di Kelantan, masyarakat mudah menerima Dikir Barat disebabkan oleh budaya tempatan tetapi pada masa yang sama juga penggunaan Dikir Barat di Kelantan dipandang negatif oleh golongan agama. Justeru itu, masyarakat perlu diberi pendedahan sejak di bangku sekolah lagi mengenai Dikir Barat.

2. Persaingan sengit dengan kesenian lain.

Contohnya topik seni kontemporari vs seni tradisional. Menurut responden kajian, di negara kita khususnya, pelbagai rancangan- rancangan realiti televisyen yang diadakan oleh stesen- stesen televisyen tempatan yang sememangnya berfokus kepada pertandingan mencari penyanyi- penyanyi terbaik. Seperti yang kita sedia maklum, program realiti seperti ini sentiasa mendapat sambutan yang tinggi dari kalangan penonton. Hadiah yang ditawarkan pula sangat- sangat lumayan dan biasanya penyertaan secara individu. Faktor ini menjadikan ramai lebih tertarik dengan kesenian ini kerana di samping dari bayaran yang lumayan juga, mereka akan lebih popular berbanding penggiat tradisional seni Malaysia. Tambahan pula, kesenian kontemporari yang menjadi kegilaan masyarakat kita hari ini lebih universal dan lebih mudah diterima oleh lapisan masyarakat. Justeru itu, pihak yang bertanggungjawab boleh memperbanyak aktiviti berkaitan seni persembahan warisan dikir barat agar masyarakat lebih tertarik dan berminat untuk belajar Dikir Barat.

KESIMPULAN

Secara kesimpulanya, melalui capaian hasil kajian yang diperolehi

penyelidik dapat mengenalpasti dengan lebih dekat mengenai seni warisan budaya tradisional Dikir Barat yang menjadi kebanggaan rakyat Kelantan. Seni ini mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri yang mana seni ini perlu diangkat sebagai warisan dunia. Struktur kumpulan Dikir Barat yang sistematik dan unik, penggunaan alatan muzik tradisional yang memerlukan kemahiran yang tinggi serta penyampaian lirik yang unik juga mampu menaikan seni warisan tradisional ini setaraf dengan seni warisan dunia yang lain seperti Dondang Sayang, Tarian Saman dari Indonesia, Peking Opera dari China, Gagaku dari Jepun dan banyak lagi.

Melalui kajian ini terutama dalam warisan Dikir Barat di Malaysia barat, setiap kumpulan akan dapat mempelajari lebih lanjut mengenai literasi. Melalui penyelidikan ini, masyarakat dapat memahami asal usul Dikir Barat dengan lebih baik. Sekiranya masyarakat, terutama golongan muda yang berkait rapat dengan warisan Dikir Barat, secara tidak langsung, mereka akan mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai warisan Dikir Barat ini dan mereka akan lebih berminat untuk memahami warisan Dikir Barat dengan lebih dekat.

Selain daripada itu, pendokumentasian pada seni persembahan tradisional Dikir Barat juga perlu dipertingkatkan memandangkan masyarakat pada masa kini sudah mula melupakan seni warisan ini. Malah ada juga dikalangan aktivis muda pada masa kini yang mula memodenkan seni persembahan Dikir Barat. Jika dilihat pada sudut yang positif, perkembangan Dikir Barat moden ini membawa sedikit sebanyak kesan kepada penerimaan generasi muda, namun format persembahan Dikir Barat asli perlu dikekalkan dan diperlihatkan melalui strategi pendokumentasian yang betul dalam memastikan seni warisan ini kekal dipelihara dan terjaga untuk rujukan pada masa hadapan.

Di samping itu, diharapkan melalui kajian ini, masyarakat Malaysia akan mempelajari lebih lanjut mengenai warisan Dikir Barat, dan menyumbang kepada peningkatan dan kemuliaan para aktivis seni dalam warisan Dikir Barat dan nama Malaysia bangga dengan usaha. Ini bukan mengenai orang Melayu, tetapi berharap masyarakat lain seperti India dan China lebih bersedia untuk membawa isu warisan Dikir Barat ke dalam pujian barat juga. Oleh itu, tidak akan ada jurang antara kaum, dan juga tidak akan ada tembok pemisah antara hubungan etnik di Malaysia, kerana semuanya disatukan dalam warisan Dikir Barat.

Akhir sekali, melalui kajian ini, kita akan dapat mempelajari dengan baik cabaran yang dihadapi oleh warisan Dikir Barat. Apabila cabaran-cabaran ini dapat dikaji dan diungkap, penyelesaian untuk menguranginya tentu dapat dilaksanakan, dan citra warisan Dikir Barat dapat dilestarikan ke masa depan. Lebih-lebih lagi, jika imej warisan Dikir Barat terpelihara, pasti banyak orang akan tertarik dengan bidang warisan Dikir Barat ini dan dapat dipelihara untuk jangka masa yang panjang, kerana warisan Dikir Barat seperti ini adalah warisan turun temurun negara kita.

RUJUKAN

- Abd Rahman, N. H. (2007). Persembahan dikir barat moden di Kelantan. (<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/27821/>)
- Alias, N. (2020, October 09). Demi lagu Dikir Barat Halim Yazid. Retrieved November 11, 2020, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/10/628958/demi-lagu-dikir-barat-halim-yazid>
- Amran Aris Follow. (2016, November 09). DIKIR BARAT. Retrieved November 28, 2020, from <https://www.slideshare.net/amranaris67/dikir-barat-6843508110>, C. (2020, June 10). Kesenian Melayu dengan masyarakat: Kenapa ada jurang? Retrieved November 16, 2020, from <https://thelitmovement.com/kesenian-melayu-dengan-masyarakat-kenapa-ada-jurang/>
- Halid, R. I. R. (2011). Modernizing tradition: the media and dikir barat of Kelantan.
- Hermes. (2020, September 22). Persembah Dikir Barat akustik, Berita Rencana. Retrieved November 11, 2020, from <https://www.beritaharian.sg/renanca/persembah-dikir-barat-akustik>
- Mohammad, A. (2018, October 18). Pengertian Dan Asal Usul 'Dikir Barat'. Retrieved November 11, 2020, from <https://cgisekota.blogspot.com/2018/10/pengertian-dan-asal-usul-dikir-barat.html>
- Muhammad, S. (2014). Analisa muzik dan persembahan dikir barat di Kelantan-satu penilaian dan persepsi masa hadapan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 2(2), 49-61.
- Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, Monuments related to the Dutch in Malaysia. Dalam Dhiravat na Pombejra, Han ten Brummelhuis, Nandana Chutiwongs dan P. Charoenwongsa (eds.), 2007, Proceedings of the International Symposium Crossroads of Thai and Dutch History, Bangkok: SEAMEO-SPAFA, 575-596.
- Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, 2004. The excavation of Gua Angin, Jerantut, Malaysia, SEJARAH, 12, 1-14
- Pengenalan Dikir Barat dan Lagu Asli. (2013, May 07). Retrieved December 23, 2020, from <https://iramawarisanpoliteknik.wordpress.com/pengenalan-dikir-barat-dan-lagu-asli/>

n-dikir-barat-dan-lagu-asli/ Rosli, N. A. B. M. (2014). *Perkembangan seni persembahan dikir barat di Kelantan* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

Salmiah binti Ramli.(rasahati Penggal 1 2018 ESEI TARGET PENGAJIAN PENGGAL 1 2018 1 Kegiatan seni budaya tradisional kini: Course Hero. (n.d.). Retrieved November 16, 2020, from https://www.coursehero.com/file/36823201/modul-esei_target-sem-1pdf/

Shuaib, A., & Olalere, F. (2013). The Kelantan traditional arts as indicators for sustainability: an introduction to its Genius Loci. *Journal of Social Sciences, COES&RJ-JSS*, 2(2), 87-100.

Saufi, A. (2010, May 31). Dikir Barat - Sejarah dan Asal-usul. Retrieved November 11, 2020, from <http://adisaufi.blogspot.com/2010/05/dikir-barat-sejarah-dan-asal-usul.html> Yusof, M.S. (2020, November 30). Temubual Sejarah Lisan. (Nurul Jazlina Hairul, Nor Aziera Aziz, Interviewer)

Zahariman, A. B., BC12110010, Telajan, B. A., BC12110022, & Abdul Wahab, N. B., BC12110102. (1970, January 01). SENI WARISAN DIKIR BARAT (ARTIKEL KUMPULAN). Retrieved November 16, 2020, from <http://jejarikebal.blogspot.com/2014/01/seni-warisan-dikir-barat-artikel.html>